

PINDAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SKIM KHAS PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan urusan pelaksanaan Skim Khas Pelajar Antarabangsa dapat dijalankan dengan teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memenuhi sistem pengurusan kualiti UPSI.

2. SKOP

Garis panduan ini terpakai bagi semua proses pelaksanaan Skim Khas Pelajar Antarabangsa di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

3. DEFINISI

BIL	PERKARA	DEFINISI
1.	Yuran Proses	Yuran yang dikenakan semasa calon pelajar membuat permohonan kemasukan ke program pengajian siswazah bagi tujuan menampung kos memproses permohonan.
2.	Yuran Pelajaran	Yuran yang perlu dibayar oleh pelajar pengajian siswazah pada tiap-tiap semester bagi menampung kos proses pembelajaran dan pengajaran.

4. KONTEKS PERUNDANGAN

Bil.	Nama
1	Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris
2	Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971
3	Minit Kelulusan JKTK
4	Perjanjian Antara Pelajar dan UPSI
5	Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah

5. PRINSIP

Universiti komited dalam memastikan proses pemilihan dan pengambilan pelajar Skim Khas Pelajar Antarabangsa ke Program Pengajian Siswazah di UPSI dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan agar pelajar-pelajar antarabangsa yang diterima adalah yang berkualiti dan cemerlang.

6. PROSEDUR

A. SYARAT KELAYAKAN

1. Ditawarkan kepada calon pelajar yang memenuhi syarat kelayakan umum, syarat khas (jika berkaitan), cemerlang dalam Ijazah Sarjana Muda (CGPA 3.5 ke atas), dan syarat keperluan Bahasa Inggeris tertakluk kepada peraturan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
2. Ditawarkan setiap tahun kepada pelajar Sarjana Antarabangsa mod penyelidikan secara sepenuh masa dengan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.
3. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar baharu yang sedang membuat permohonan kemasukan baharu.

B. HEBAHAN DAN PENGIKLANAN

1. Hebahan dan pengiklanan penawaran Skim Khas Pelajar Antarabangsa perlu dibuat menerusi laman sesawang IPS dan fakulti serta hebahan menerusi promosi yang dibuat di luar UPSI.

C. KAEDAH PERMOHONAN

1. Calon pelajar yang ingin memohon Skim Khas Pelajar Antarabangsa dikehendaki membuat permohonan kemasukan menerusi pautan berikut: <https://postgrad.upsi.edu.my/>

2. Calon pelajar dikehendaki mengisi ruangan permohonan Skim Khas Pelajar Antarabangsa seperti yang terdapat dalam permohonan secara dalam talian dan melampirkan dokumen-dokumen sokongan semasa permohonan dilakukan (contoh bukti kecemerlangan / aktiviti).
3. Calon pelajar perlu melengkapkan permohonan kemasukan secara dalam talian dan membuat pembayaran yuran proses sebanyak RM100.00. Wang tersebut akan dikembalikan sekiranya permohonan pelajar untuk Skim Khas Pelajar Antarabangsa diluluskan oleh IPS.
4. Sekiranya pelajar terpilih untuk ditawarkan Skim Khas Pelajar Antarabangsa, makluman akan dibuat menerusi dalam talian bersekali dengan keputusan permohonan kemasukan ke program pengajian siswazah di pautan berikut: <https://postgrad.upsi.edu.my/>

D. PROSES PEMILIHAN CALON

1. Satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan bagi menilai permohonan calon. Calon perlu mengemukakan dokumen sokongan dan surat sokongan daripada pewasit yang boleh terdiri daripada Dekan atau Timbalan Dekan IPS, Dekan Fakulti atau Timbalan Dekan Fakulti.
2. Pemilihan akan dilakukan berdasarkan kepada syarat umum dan khas program yang dipohon serta kecemerlangan dan kelebihan yang terdapat pada calon pelajar.

E. HADIAH / FAEDAH

1. Calon yang terpilih ditawarkan hadiah / faedah seperti berikut:

Tahap Pengajian	Bilangan calon yang ditawarkan	Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*			Tempoh Skim	
		Pengecualian Yuran Proses	Pengecualian Yuran Pelajaran			
Ijazah Sarjana	10 orang setahun	RM100.00 *rujuk perkara c (3)	Sains & Teknikal	Bukan Sains & Teknikal	Aliran Sains, Fakulti Sains & Matematik	Tiga (3) semester
			RM7,210.00	RM6,883.30		

*Nota: Yuran berkala lain dibayar sendiri oleh calon.

2. Calon boleh dicadangkan menjadi Pembantu Pengajar (*Teaching Assistant*) atau terlibat dengan aktiviti akademik di Fakulti.

F. SYARAT SETELAH MENERIMA SKPA

1. Pelajar wajib bermastautin di Tanjong Malim dan memilih pengajian sepenuh masa.
2. Pelajar perlu bersama-sama melakukan penyelidikan dengan penyelia dan direkod kehadiran sepanjang tempoh pengajian.
3. Pelajar hendaklah menerbitkan dua (2) artikel jurnal (Scopus/ERA/MyCite) sepanjang tempoh pengajian sebagai penulis pertama dan Penyelia sebagai *Corresponding Author* sebagai syarat untuk bergraduasi.
4. Pelajar hendaklah bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan iaitu minimum empat (4) semester.

G. PERINGATAN DAN PENALTI

1. Pelajar akan diberi surat peringatan oleh IPS sekiranya menerima status Tidak Memuaskan (TM) buat kali pertama bagi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS).
2. Pelajar akan diberhentikan daripada Skim Khas Pelajar Antarabangsa sekiranya menerima status Tidak Memuaskan (TM) buat kali kedua bagi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) atau sekiranya pelajar tidak dapat memenuhi keperluan penerbitan artikel jurnal berindeks atau bergraduasi mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
3. Pelajar yang diberhentikan daripada Skim Khas Pelajar Antarabangsa diberi dua (2) pilihan seperti berikut:
 - (a) Dibenarkan meneruskan pengajian dan perlu membayar balik yuran pelajaran yang telah dikecualikan serta membayar sendiri yuran pengajian berikutnya; atau
 - (b) Menarik diri daripada pengajian dan perlu membayar balik yuran pelajaran yang telah dikecualikan.

7. PROSES KERJA

TINDAKAN		TANGGUNGJAWAB	DOKUMEN
1.	Hebahan pengambilan pelajar Skim Khas Pelajar Antarabangsa dibuat oleh IPS dan Fakulti.	IPS Fakulti	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Brosur Iklan
2.	Calon pelajar membuat permohonan kemasukan secara dalam talian dan mengisi ruangan permohonan Skim Khas Pelajar Antarabangsa serta melampirkan dokumen-dokumen sokongan.	Calon pelajar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Online admission</i>
3.	Calon pelajar membuat pembayaran yuran proses sebanyak RM100.00 kepada UPSI.	Calon pelajar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Slip Bayaran
4.	Satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan bagi menilai permohonan calon.	IPS	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Laporan penilaian pelajar
5.	Status permohonan dan penawaran Skim Khas Pelajar Antarabangsa dimuat naik dalam <i>online admission</i> untuk semakan pelajar.	IPS	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Online admission</i>
6.	Pelajar membuat pendaftaran pada Hari Kemasukan dan membuat bayaran yuran program (selain yuran pelajaran).	Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Surat Tawaran kemasukan ▪ Surat tawaran Skim Khas Pelajar Antarabangsa
7.	Pelajar membuat tuntutan yuran proses sebanyak RM100.00 ke Jabatan Bendahari.	Pelajar Jabatan Bendahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Slip Bayaran

**YURAN PENGAJIAN PASCASISWAZAH UNTUK PELAJAR
ANTARABANGSA PROGRAM SARJANA**

SEMESTER	JENIS YURAN	SAINS & TEKNIKAL	BUKAN SAINS & TEKNIKAL	ALIRAN SAINS FAKULTI SAINS & MATEMATIK
Semester 1	Yuran Pentadbiran	RM360.00	RM360.00	RM360.00
	Yuran Pendaftaran & Orientasi	RM1,170.00	RM1,170.00	RM1,170.00
	Yuran Semester	RM7,210.00	RM6,883.30	RM8,210.00
Semester 2	Yuran Semester	RM7,210.00	RM6,883.30	RM8,210.00
Semester 3	Yuran Semester	RM7,210.00	RM6,883.40	RM8,210.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM23,160.00	RM22,180.00	RM26,160.00
Semester 4	Yuran Semester	RM2,480.00 **RM1,680.00	RM2,220.00 **RM1,420.00	RM3,480.00 **RM2,680.00
Semester 5 & seterusnya	Yuran Semester	RM2,480.00	RM2,220.00	RM3,480.00
*Yuran Pemeriksaan Disertasi		RM1,200.00	RM1,200.00	RM1,200.00
*Yuran Pemeriksaan Semula Disertasi		RM1,200.00	RM1,200.00	RM1,200.00

Nota:

Pelajar yang mendaftar untuk semester 5 & ke atas perlu membayar yuran pentadbiran.

*Untuk pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dan Mod Campuran sahaja

**Untuk pelajar Sarjana Mod Penyelidikan

Tarikh berkuatkuasa: Ambilan Okt 2025

Jumlah yuran adalah mengikut yuran semasa tertakluk kepada sebarang perubahan

YURAN PERMOHONAN VISA PELAJAR ANTARABANGSA UPSI

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Yuran pemprosesan visa (EMGS)	1 tahun: RM2,028.60 2 tahun: RM2,359.80 3 tahun: RM2,587.50
2.	Yuran pemprosesan dokumen (UPSI)	RM500
3.	Personal bond (UPSI)	RM2,000

Sumber: www.imac@upsi.edu.

Nota: Yuran konvokesyen bagi graduan antarabangsa adalah sebanyak RM 400.00.

8. RINGKASAN PINDAAN

Bil.	Perkara (Asal)	Perkara (Pindaan)																						
1.	<p>Syarat Kelayakan</p> <p>Ditawarkan kepada calon pelajar yang memenuhi syarat kelayakan umum, syarat khas (jika berkaitan), cemerlang dalam Ijazah Asas dan syarat keperluan Bahasa Inggeris.</p>	<p>Syarat Kelayakan</p> <p>Ditawarkan kepada calon pelajar yang memenuhi syarat kelayakan umum, syarat khas (jika berkaitan), cemerlang dalam Ijazah Sarjana Muda (CGPA 3.5 ke atas), dan syarat keperluan Bahasa Inggeris tertakluk kepada peraturan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.</p>																						
	<p>Syarat Kelayakan</p> <p>Ditawarkan setiap tahun kepada pelajar Sarjana Antarabangsa yang terpilih dan mengikuti mod penyelidikan secara sepenuh masa.</p>	<p>Syarat Kelayakan</p> <p>Ditawarkan setiap tahun kepada pelajar Sarjana Antarabangsa mod penyelidikan secara sepenuh masa dengan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.</p>																						
		<p>Syarat Kelayakan</p> <p>Permohonan hanya dibuka kepada pelajar baharu yang sedang membuat permohonan kemasukan baharu.</p>																						
2.	<p>Hadiah / Faedah</p> <p>1. Calon yang terpilih ditawarkan hadiah / faedah seperti berikut:</p>	<p>Hadiah / Faedah</p> <p>1. Calon yang terpilih ditawarkan hadiah / faedah seperti berikut:</p>																						
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahap Pengajian</th> <th>Bilangan calon yang ditawarkan</th> <th>Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Tahap Pengajian	Bilangan calon yang ditawarkan	Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*				<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Tahap Pengajian</th> <th rowspan="2">Bilangan calon yang ditawarkan</th> <th colspan="3">Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*</th> <th rowspan="2">Tempoh Skim</th> </tr> <tr> <th>Pengecualian Yuran Proses</th> <th colspan="2">Pengecualian Yuran Pelajaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ijazah Sarjana</td> <td>10 orang setahun</td> <td>RM100.00 *rujuk perkara c (3)</td> <td>Sains & Teknikal</td> <td>Bukan Sains & Teknikal</td> <td>Aliran Sains, Fakulti</td> <td>selama tiga (3) semester</td> </tr> </tbody> </table>	Tahap Pengajian	Bilangan calon yang ditawarkan	Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*			Tempoh Skim	Pengecualian Yuran Proses	Pengecualian Yuran Pelajaran		Ijazah Sarjana	10 orang setahun	RM100.00 *rujuk perkara c (3)	Sains & Teknikal	Bukan Sains & Teknikal	Aliran Sains, Fakulti	selama tiga (3) semester
	Tahap Pengajian	Bilangan calon yang ditawarkan	Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*																					
Tahap Pengajian	Bilangan calon yang ditawarkan	Hadiah / Faedah Yang Diberi Pada Pelajar*			Tempoh Skim																			
		Pengecualian Yuran Proses	Pengecualian Yuran Pelajaran																					
Ijazah Sarjana	10 orang setahun	RM100.00 *rujuk perkara c (3)	Sains & Teknikal	Bukan Sains & Teknikal	Aliran Sains, Fakulti	selama tiga (3) semester																		

				Pengecualian Yuran Proses	Pengecualian Yuran Pelajaran							Sains & Matematik			
								RM7,210	RM6,883.3	RM8,210.					
								.00	0	00					
		Ijazah Sarjana	20 / tahun	RM100.00	RM3,030.00/ semester selama tiga (3) semester										
Hadiah / Faedah						Hadiah / Faedah									
Tiada sebarang elaun khas bulanan yang diberikan kepada calon yang terpilih untuk skim ini. Namun calon boleh dicadangkan menjadi Pembantu Pengajar (<i>Teaching Assistant</i>) atau Pensyarah Sambilan mengguna pakai peruntukan PTj masing-masing.						Calon boleh dicadangkan menjadi Pembantu Pengajar (<i>Teaching Assistant</i>) atau terlibat dengan aktiviti akademik di Fakulti.									
3.	Syarat Setelah Menerima SKPA					Syarat Setelah Menerima SKPA									
	Pelajar wajib bermastautin di Tanjong Malim dan memilih pengajian sepenuh masa. Pelajar hendaklah merekodkan kehadiran mereka ke kampus.					Pelajar wajib bermastautin di Tanjong Malim dan memilih pengajian sepenuh masa.									
	Syarat Setelah Menerima SKPA					Syarat Setelah Menerima SKPA									
	Pelajar perlu bersama-sama melakukan penyelidikan dengan penyelia sepanjang tempoh pengajian.					Pelajar perlu bersama-sama melakukan penyelidikan dengan penyelia dan direkod kehadiran sepanjang tempoh pengajian.									

<p>Syarat Setelah Menerima SKPA</p> <p>Pelajar hendaklah menerbitkan dua (2) artikel jurnal berindeks sepanjang tempoh pengajian dan menjadi penulis pertama serta bukan bertujuan untuk melengkapkan keperluan geran penyelidikan. Satu (1) daripada dua (2) artikel jurnal berindeks tersebut perlu dihasilkan dan telah diterima untuk diterbitkan oleh penerbit dalam tempoh satu setengah (1.5) semester pengajian. Manakala satu (1) jurnal berindeks lagi perlu dihasilkan dan telah diterima untuk diterbitkan oleh penerbit jurnal berindeks dalam tempoh semester ketiga pengajian.</p>	<p>Syarat Setelah Menerima SKPA</p> <p>Pelajar hendaklah menerbitkan dua (2) artikel jurnal (Scopus/ERA/MyCite) sepanjang tempoh pengajian sebagai penulis pertama dan Penyelia sebagai <i>Corresponding Author</i> sebagai syarat untuk bergraduasi.</p>
<p>Syarat Setelah Menerima SKPA</p> <p>Pelajar hendaklah bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tiga semester.</p>	<p>Syarat Setelah Menerima SKPA</p> <p>Pelajar hendaklah bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan iaitu minimum empat (4) semester.</p>

**SIMULASI STRUKTUR YURAN PENGAJIAN PASCASISWAZAH UNTUK PELAJAR
ANTARABANGSA PROGRAM SARJANA BAGI SKIM SSIMS**

SEMESTER	JENIS YURAN	SAINS & TEKNIKAL	BUKAN SAINS & TEKNIKAL	ALIRAN SAINS FAKULTI SAINS & MATEMATIK
Semester 1	Yuran Pentadbiran	RM 360.00	RM 360.00	RM 360.00
	Yuran Pendaftaran & Orientasi	RM 1,170.00	RM 1,170.00	RM 1,170.00
	Yuran Semester	EXEMPTED	EXEMPTED	EXEMPTED
Semester 2	Yuran Semester	EXEMPTED	EXEMPTED	EXEMPTED
Semester 3	Yuran Semester	EXEMPTED	EXEMPTED	EXEMPTED
Semester 4	Yuran Semester	RM1,680.00	RM1,420.00	RM2,680.00
JUMLAH KESELURUHAN YURAN (TIDAK TERMASUK YURAN DISERTASI)		RM 3,210.00	RM 2,950.00	RM 4,210.00
*Yuran Pemeriksaan Disertasi		RM 1,200.00	RM 1,200.00	RM 1,200.00

YURAN- YURAN LAIN YANG PERLU DIBAYAR OLEH PELAJAR SKIM SSIMS

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Yuran pemprosesan visa (EMGS)	1 tahun: RM 2,028.60 atau 2 tahun: RM 2,359.80 atau 3 tahun: RM 2,587.50
2.	Yuran pemprosesan dokumen Visa (UPSI)	RM 500.00
3.	Personal bond (UPSI)	RM 2,000.00
4.	Yuran Konvokesyen	RM 400.00
JUMLAH (BAGI VISA 1 TAHUN)		RM 4,928.60

**JUMLAH KESELURUHAN YURAN PENGAJIAN MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN
BAGI SKIM SSIMS**

Bil.	Perkara	Bukan Sains dan Teknikal	Sains dan Teknikal	Aliran Sains Fakulti Sains & Matematik
1.	Yuran Pengajian	RM 2,950.00	RM 3,210.00	RM 4,210.00
2.	Yuran Disertasi	RM 1,200.00	RM 1,200.00	RM 1,200.00
3.	Yuran-Yuran lain (Visa, Konvokesyen)	RM 4,928.00	RM 4,928.60	RM 4,928.60
JUMLAH KESELURUHAN		RM 9,078.60	RM 9,338.60	RM 10,338.60